

Keselamatan, kemudahan pelajar keutamaan UMS

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin memberitahu pihak UMS memandang serius isu keselamatan dan penyediaan kemudahan bagi para pelajar.

Menurut D Kamarudin, aspek keselamatan dan kemudahan adalah perkara utama yang dititikberatkan khasnya bagi pelajar-pelajar yang bakal menjadi warga UMS bagi sesi pengajian yang baharu.

"Ibu bapa dan keluarga tidak perlu risau kerana pihak universiti khususnya sentiasa akan memastikan dua aspek utama (keselamatan dan kemudahan) menjadi keutamaan kami," katanya.

D Kamarudin memberitahu bahawa kes dan isu yang timbul yang menjejaskan imej UMS adalah perkara yang tidak dapat dielakkan dan UMS sentiasa mengambil pendekatan mengekang semua isu dan masalah yang kurang menyenangkan sebaik mungkin.

Katanya, pihak UMS memberi kerjasama dengan pihak berkuasa bagi menangani masalah dan kontroversi yang timbul.

Sementara itu personaliti pembaca berita yang dijadikan inspirasi untuk mencapai cita-cita telah membawa Mohd Zufadli Aiman, 20 tahun untuk menyambung pengajian dalam program Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Komunikasi) di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pelajar kelinan upaya (OKU) ini merupakan anak bongsu daripada tujuh beradik yang berasal dari Membakut.

"Sejak usia 16 tahun saya mula meminati kerjaya sebagai pembaca berita dan saya kini menerima tawaran menyambung pengajian dan saya berhasrat untuk mencapai cita-cita saya," katanya kepada New Sabah Times ketika ditemui kelmarin semasa Majlis Suai Mesra (MSM), Pendaftaran Pelajar Baru Sesi 2018/2019 di Kolej Kediaman Excellent, UMS.

Seramai 4,220 pelajar baharu menerima tawaran bagi melanjutkan pengajian bagi sesi pengajian baru ini.

Dr D Kamarudin berkata daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 2,436 pelajar atau 58 peratus adalah pelajar dari negeri Sabah.

Selain itu, sebanyak 1,718 pelajar atau



MESRA.... D Kamarudin (dua dari kanan) beramah mesra bersama pelajar semasa sesi pendaftaran kelmarin.

40 peratus merupakan pelajar dari Semenanjung Malaysia dan Sarawak serta pelajar antarabangsa sebanyak 66 orang atau dua peratus.

"Kita turut menerima pelajar antarabangsa dari sembilan negara antaranya dari China (31 orang), Brunei dan Thailand (11 orang masing-masing), Indonesia (lima orang), Korea Selatan (tiga orang), Bangladesh (dua orang), Gabon, Jepun dan Jerman (seorang masing-masing)," katanya ketika ditemui pemberita kelmarin.

Menurut D Kamarudin, UMS sentiasa memberi peluang kepada pelajar kurang kemampuan berdasarkan pendapatan isi rumah 40 peratus terendah atau B40 yang berjaya melepasi syarat-syarat minimum yang ditetapkan.

"Tahun ini kita (UMS) memberi peluang kepada 200 pelajar kurang kemampuan berdasarkan pendapatan isi rumah 40 peratus terendah atau B40 yang berjaya melepasi syarat-syarat minimum yang ditetapkan.

"Kita juga akan sentiasa berusaha untuk memastikan kemudahan fasiliti, penyediaan elaun pendahuluan dan bantuan bagi memudahkan urusan pendaftaran pelajar-pelajar B40 ini berjalan lancar," katanya.

Selain itu, turut hadir mendaftarkan diri bagi sesi pengajian ialah 21 orang pelajar Orang Kurang Upaya (OKU).

D Kamarudin turut menggesa para pelajar untuk menyahut saranan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya menjadi warga intelektual dan pelajar yang memanfaatkan teknologi bagi meningkatkan kualiti kehidupan seharian.

"Sesuai dengan saranan KPM, kita juga berharap agar generasi baru (pelajar) mampu memanfaatkan teknologi masa kini dengan baik dalam kehidupan seharian sekaligus menjadi bakal graduan yang berpotensi tinggi," tambahnya lagi.

UMS turut memperkenalkan empat program pengajian baru iaitu Ijazah Kedoktoran (PhD) Kesihatan Persekitaran, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Minyak dan Gas, dan Diploma Kejuruteraan Minyak dan Gas.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Ekonomi (HEPA), Prof. Dr. Ismail Ali dan Pengetua Kolej Kediaman Excellent, Dr. Syahrudin Awang Ahmad.